KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 15 - 16 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	Astro Awani
TAJUK	Masjid perlu jadi ekosistem pelancongan, ruang kenali sejarah dan tamadun Islam
PAUTAN	https://tinyurl.com/mpms7dxz

MALAYSIA

Masjid perlu jadi ekosistem pelancongan, ruang kenali sejarah dan tamadun Islam - Ahmad Zahid

Bernama
15/08/2026 | 22:45 MYT



BAGAN DATUK: Masjid perlu menjadi sebahagian daripada ekosistem pelancongan negara sambil menjalankan peranan sebagai rumah ibadah, pusat dakwah dan institusi yang mendekatkan masyarakat kepada Islam.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata institusi masjid boleh berperanan sebagai sebahagian daripada perjalanan pelancong mengenali sejarah, budaya dan ketamadunan Islam di Malaysia.

"Apabila mereka datang, biar yang dibawa pulang bukan hanya gambar keindahan masjid tetapi juga pengalaman keramahan masyarakat dan nilai Islam yang mereka temui di Malaysia. Sebab itu inisiatif seperti Hari Terbuka Masjid Kebangsaan (NMOD) mempunyai nilai cukup besar," katanya pada perasmian NMOD 2026 di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak Datuk Mohd Zolkafly Harun kerana Ahmad Zahid kurang sihat.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **15 - 16 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	Suara Sarawak
TAJUK	RM4.12 Juta disalur untuk Program Sejahtera MADANI Peningkatan Pendapatan di Sarawak
PAUTAN	https://tinyurl.com/5jcjp5xf

RM4.12 Juta Disalur Untuk Program Sejahtera MADANI Peningkatan Pendapatan Di Sarawak

Rusnan Mustafa Ogos 14, 2026 SARAWAK 4:39 pm

Facebook Twitter LinkedIn WhatsApp Telegram

JOM BACA E-PAPER SUARA SARAWAK/ NEW SARAWAK TRIBUNE PERCUMA SEAWAL 2 PAGI SETIAP HARI. KLIK SINI

KOTA SAMARAHAN: Peruntukan RM4.12 juta bagi pelaksanaan Program Sejahtera MADANI Peningkatan Pendapatan di Sarawak tahun ini dilihat dapat membantu golongan berpendapatan rendah meningkatkan keupayaan bekerja, sekali gus keluar daripada garis kemiskinan.

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Rubiah Wang, berkata program berkenaan menyediakan bantuan peralatan mengikut keperluan dan bidang pekerjaan penerima supaya bantuan yang diberikan benar-benar dapat dimanfaatkan untuk menjana pendapatan.

Jelasnya, seramai 12 individu menerima bantuan peralatan bernilai keseluruhan RM60,000 pada majlis berkenaan, membabitkan pelbagai bidang pekerjaan seperti mekanik, buruh binaan, nelayan, tukang jahit, tukang gunting rambut, peniaga dan penghantar makanan.

"Program ini menunjukkan usaha meningkatkan pendapatan rakyat memerlukan pendekatan yang bersesuaian dengan keperluan dan bidang pekerjaan masing-masing," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyerahan Sejahtera MADANI Peningkatan Pendapatan: Bantuan Peralatan di Dewan Datuk Wan Ahmad Shabri Zainuddin, Pejabat Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) Sarawak, di sini, hari ini.

Rubiah memberitahu, program berkenaan adalah antara usaha kerajaan dalam membantu golongan memerlukan, khususnya menerusi pendekatan peningkatan pendapatan bagi mengurangkan kadar kemiskinan di negara ini.

Menurutnya, pelbagai agensi kerajaan di peringkat Persekutuan dan negeri turut melaksanakan program pembasmian kemiskinan dan peningkatan pendapatan, termasuk Program Sejahtera

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **15 - 16 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	TVS
TAJUK	RM500, 000 perkasa pelancongan memancing Kampung Pinang
PAUTAN	https://tinyurl.com/msm8r3nj

RM500,000 perkasa pelancongan memancing Kampung Pinang

By TVS **#bm, Berita Sarawak August 14, 2026 11:49 AM**

KOTA SAMARAHAN, 14 Ogos: Projek menaik taraf kemudahan pelancongan di Kampung Pinang di sini bernilai RM500,000 dijangka memperkasa aktiviti memancing, sekali gus meningkatkan potensi kampung itu sebagai destinasi pelancongan komuniti.

Projek di bawah inisiatif Agensi Pembangunan Bersepadu Wilayah Samarahan (ISDA) itu menyediakan kemudahan seperti benteng gabion, dataran dan gazebo, manakala lampu jalan akan ditambah dalam masa terdekat.

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Rubiah Wang, berkata kemudahan berkenaan disediakan bagi meningkatkan keselesaan penduduk dan pemancing, selain menyokong perkembangan aktiviti pelancongan serta ekonomi setempat.

"Kita menambah baik kemudahan di sini termasuk menyediakan benteng gavian, dataran ini dan juga beberapa kemudahan lain Gazebo dan insya Allah akan dilengkapi juga dengan kemudahan-kemudahan lain," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis Penyerahan Projek Siap di bawah Jawatankuasa Kecil Pembangunan Sosio-Ekonomi Agensi Pembangunan Bersepadu Wilayah Samarahan (IRSDA), di sini, hari ini.

Menurut Rubiah, Kampung Pinang mempunyai potensi untuk dibangunkan sebagai produk pelancongan komuniti, seiring perkembangan pesat Kota Samarahan.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 15 - 16 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	UKAS
TAJUK	Bantuan Peralatan Sejahtera MADANI Pacu Pendapatan 12 Penerima di Samarahan
PAUTAN	https://tinyurl.com/4fkmwhva

Bantuan Peralatan Sejahtera MADANI Pacu Pendapatan 12 Penerima di Samarahan



KOTA SAMARAHAN: Seramai 12 penerima di Bahagian Samarahan menerima bantuan peralatan bernilai RM60,000 menerusi Program Sejahtera MADANI: Peningkatan Pendapatan bagi membantu mengukuhkan pekerjaan dan meningkatkan pendapatan keluarga.

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah merangkap Ahli Parlimen Kota Samarahan, Datuk Rubiah Wang berkata, bantuan yang disesuaikan mengikut bidang pekerjaan penerima itu perlu dimanfaatkan sebagai modal untuk meningkatkan produktiviti dan mengembangkan aktiviti ekonomi.

Menurut beliau, bantuan berkenaan disalurkan kepada isi rumah berdaftar dalam sistem eKasih, melibatkan penerima daripada pelbagai bidang seperti mekanik, buruh binaan, nelayan, penjahit, tukang gunting rambut, peniaga dan rider.

"Kerajaan berharap bantuan peralatan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi membantu penerima meningkatkan pendapatan serta taraf kehidupan keluarga," katanya.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **15 - 16 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	The Capital Post
TAJUK	PERDA, LPPKN strengthen partnership to empower rural families
PAUTAN	https://tinyurl.com/29ub6p4c

PERDA, LPPKN Strengthen Partnership To Empower Rural Families

By Gokkul — Last updated Aug 14, 2026 — 99 — 0



Photo : Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang

Estimate Reading Time: < 1 minute

GEORGE TOWN, 14 August 2026 (The Capital Post) – Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) General Manager YBhg. Dato' Haji Mohd Asri bin Baharum today received a courtesy visit from Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Director-General YBhg. Dato' Abdul Shukur bin Abdullah at PERDA Headquarters.

The meeting, held at the Mutiara Gemilang Meeting Room, was also attended by LPPKN Penang

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **15 - 16 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	TVS
TAJUK	KEMAS perkasa kemahiran keibubapaan, pendidikan awal kanak-kanak
PAUTAN	https://tinyurl.com/jpvasreh

KEMAS perkasa kemahiran keibubapaan, pendidikan awal kanak-kanak

By Tasha Jenkins Likan Anak Siti **#bm, Berita Sarawak August 15, 2026 2:13 PM**

MIRI, 15 Ogos: Peranan ibu bapa dalam pendidikan awal kanak-kanak diperhebat menerusi penganjuran Bengkel Kemahiran Keibubapaan Tabika dan Taska PERMATA KEMAS 2026.

Menteri Pengangkutan Sarawak, Dato Sri Lee Kim Shin berkata, pendidikan anak-anak bukan hanya berlaku di tabika atau taska, sebaliknya bermula dari rumah dengan ibu bapa sebagai pendidik pertama.

"Apabila kita bercakap tentang pendidikan awal kanak-kanak, kita tidak boleh hanya bercakap tentang guru dan sekolah, kita mesti melibatkan ibu bapa," katanya ketika berucap pada Perasmian Bengkel Kemahiran Keibubapaan Tabika dan Taska PERMATA KEMAS 2026 anjuran Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Sarawak di Wisma Amal Piasau Jaya, di sini, hari ini.

Menurut beliau, peranan pendidik Tabika dan Taska KEMAS bukan sekadar mengajar, malah turut merangkumi pembentukan nilai, disiplin, keyakinan diri, sikap berdikari serta kemahiran komunikasi kanak-kanak sejak usia awal.

Tambah beliau, cabaran keibubapaan masa kini turut berubah seiring perkembangan teknologi digital, khususnya penggunaan telefon pintar, media sosial dan permainan dalam talian.

"Teknologi itu sendiri bukan sesuatu yang buruk, malah jika digunakan dengan betul, teknologi boleh menjadi satu alat pembelajaran yang sangat baik. Tetapi persoalannya ialah siapa yang membimbing mereka," katanya lagi.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **15 - 16 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	Utusan Malaysia
TAJUK	Dua pelajar MRSM Alor Gajah dilapor hilang ditemukan di Central Market
PAUTAN	https://tinyurl.com/yc2dkux3

Dua pelajar MRSM Alor Gajah dilapor hilang ditemukan di Central Market



ASYRAF WAJDI DUSUKI

Oleh NURAINA HANIS ABD. HALIM 15 Ogos 2026, 10:06 am

PETALING JAYA: Dua pelajar perempuan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), Alor Gajah yang dilaporkan hilang sejak Selasa lalu ditemukan polis di Central Market dekat sini malam tadi.

Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (Mara), Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki berkata, Siti Nur Aaira Aidi dan Nur Aisy Humaira Mohd Saad ditemukan dalam keadaan selamat.

"Alhamdulillah, pihak Polis Bukit Aman berjaya menemui kedua-dua pelajar MRSM Alor Gajah, Siti Nur Aaira Aidi dan Nur Aisy Humaira Mohd Saad yang dilaporkan hilang sejak Selasa di sekitar Central Market Kuala Lumpur pukul 10.31 malam tadi," katanya menerusi Facebook, semalam.

Sementara itu, Pengetua MRSM Alor Gajah, Azaam Yacob berkata, anggota polis meneruskan rondaan di sekitar Central Market kira-kira pukul 10.15 malam selepas kawasan itu dikenal pasti sebagai lokasi kedua-dua pelajar berkenaan dipercayai berada.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 15 - 16 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	Berita Harian
TAJUK	Dua pelajar MRSM sudah diserah kepada keluarga, kejadian masih disiasat
PAUTAN	https://tinyurl.com/tyms8x26

Dua pelajar MRSM sudah diserah kepada keluarga, kejadian masih disiasat - Ketua Polis KL



Dua pelajar MRSM Alor Gajah dilaporkan hilang 11 Ogos lalu sudah ditemukan malam tadi

Dapatkan berita ringkas di sini — Ringkaskan untuk saya

KUALA LUMPUR: Dua pelajar Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Alor Gajah yang ditemukan di Pasar Seni, di sini, malam tadi sudah diserahkan kepada keluarga, manakala siasatan berhubung kejadian masih diteruskan.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Fadil Marsus, berkata kedua-dua pelajar berusia 16 tahun itu ditemukan kira-kira jam 10.30 malam.

"Operasi pencarian dijalankan oleh anggota polis dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Alor Gajah.

"Kedua-dua pelajar berkenaan ditemukan di kawasan Pasar Seni kira-kira jam 10.30 malam tadi," katanya dalam kenyataan, hari ini.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

Dua pelajar MRSM Alor Gajah yang dilaporkan hilang ditemukan

15/08/2026 | 4:05 AM - KES



Berita penemuan kedua-dua pelajar dimaklumkan Pengerusi MARA Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki menerusi hantaran di Facebook

KUALA LUMPUR, 15 Ogos – Dua pelajar Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Alor Gajah, Siti Nur Aaira Aidi dan Nur Aisy Humaira Mohd Saad, yang dilaporkan hilang sejak Selasa lalu, ditemukan di sekitar Pasar Seni, Kuala Lumpur, malam tadi.

RINGKASAN BERITA AI

- Pengerusi MARA Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki mengesahkan penemuan pelajar menerusi hantaran Facebook, berkata Alhamdulillah.
- Polis Diraja Malaysia Bukit Aman menemui kedua-dua pelajar pada pukul 10.31 malam.
- Laporan kehilangan dibuat seorang guru pada 11 Ogos kira-kira 10.46 malam sebelum penemuan.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 15 - 16 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	Astro Awani
TAJUK	Dua pelajar MRSM Alor Gajah yang dilaporkan hilang ditemukan selamat di Kuala Lumpur
PAUTAN	https://tinyurl.com/4fm5cfyr

MALAYSIA

Dua pelajar MRSM Alor Gajah yang dilaporkan hilang ditemukan selamat di Kuala Lumpur

Astro AWANI
15/08/2026 | 04:50 MYT



Siti Nur Aaira Aidi dan Nur Aisy Humaira Mohd Saad yang dilaporkan hilang sejak 11 Ogos ditemukan di Central Market, Kuala Lumpur, kira-kira 10.30 malam tadi. - Foto Asyraf Wajdi

Advertisement

KUALA LUMPUR: Dua pelajar perempuan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Alor Gajah yang dilaporkan hilang sejak 11 Ogos lalu ditemukan selamat di Central Market, di sini, malam tadi.

Perkara itu disahkan Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA) Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki menerusi hantaran di media sosial tengah malam tadi.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 15 - 16 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	Sinar Harian
TAJUK	Tiga hari hilang, dua pelajar MRSM Alor Gajah ditemui di Kuala Lumpur
PAUTAN	https://tinyurl.com/2ymczr7y

Tiga hari hilang, dua pelajar MRSM Alor Gajah ditemui di Kuala Lumpur

NURUL HIDAYAH HAMID Follow

15 Ogos 2026 07:09am
Masa membaca: 4 minit



Polis menerima laporan membabitkan dua remaja perempuan berusia 16 tahun yang didakwa hilang sejak Selasa lalu.

A- A A+

Untuk berita terkini Sinar Harian, ikuti di Telegram dan TikTok kami

SHAH ALAM - Dua pelajar Tingkatan Empat Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Alor Gajah, Melaka yang dilaporkan **hilang** sejak Selasa lalu berjaya ditemukan polis di sekitar Pasar Seni, Kuala Lumpur pada Jumaat.

Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (Mara), Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki memaklumkan perkara itu menerusi hantaran di media sosial pada awal pagi

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **15 - 16 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	NST
TAJUK	MARA chairman orders SOP review after missing MRSM Alor Gajah students found
PAUTAN	https://tinyurl.com/28x6tard

Mara chairman orders SOP review after missing MRSM Alor Gajah students found

By Noor Atiqah Sulaiman August 15, 2026 @ 12:45pm



Mara chairman Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki said a full investigation must be conducted to determine the cause of the incident and prevent a recurrence. NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

KUALA LUMPUR: Majlis Amanah Rakyat (Mara) management has been instructed to review its standard operating procedure (SOP) for taking students to health clinics following the disappearance of two MRSM Alor Gajah students for four days.

Mara chairman Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki said a full investigation must be conducted to determine the cause of the incident and prevent a recurrence.

"Whatever the cause of the two MRSM Alor Gajah students going missing for four days, I have instructed Mara management to review the SOP for taking students to clinics to prevent similar incidents.

"A full investigation must also be conducted," he said in a Facebook post today.

Asyraf previously confirmed that the two 16-year-old students, reported missing since Aug 11, were found safe at Central Market here last night.

Before they were reported missing, both students had sought treatment at a health clinic in Alor Gajah after feeling unwell.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 15 - 16 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	Kosmo
TAJUK	Pelajar MRSM hilang: Asyraf Wajdi arah Mara semak SOP ke klinik
PAUTAN	https://tinyurl.com/4c7xp39b



Asyraf Wajdi meminta pengurusan Mara menyemak semula SOP membawa pelajar ke klinik susulan insiden dua pelajar perempuan MRSM Alor Gajah dilaporkan hilang selama empat hari.

NEGARA

Pelajar MRSM hilang: Asyraf Wajdi arah Mara semak SOP ke klinik

Oleh KOSMO! 15 Ogos 2026, 12:34 pm

PETALING JAYA – Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (Mara), Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki mengarahkan pengurusan agensi itu menyemak semula prosedur operasi standard (SOP) membawa pelajar ke klinik.

Arahan itu dikeluarkan beliau susulan insiden dua pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Alor Gajah yang dilaporkan hilang selama empat hari selepas mendapatkan rawatan di sebuah klinik, sebelum ditemui selamat di Pasar Seni, Kuala Lumpur malam tadi.

Asyraf berkata, semakan itu perlu dilakukan bagi memastikan insiden sama tidak berulang pada masa akan datang, tanpa mengira faktor yang mendorong kejadian tersebut.

"Apapun faktor yang mendorong dua pelajar MRSM Alor Gajah 'hilang' empat hari, saya telah minta pengurusan Mara untuk semak SOP bawa pelajar ke klinik agar tiada lagi insiden serupa berulang masa akan datang.

"Siasatan penuh mesti dibuat," katanya menerusi hantaran di Facebook, hari ini.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **15 - 16 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	BERNAMA
TAJUK	Dua pelajar MRSM Alor Gajah hilang ditemukan di Pasar Seni
PAUTAN	https://tinyurl.com/mrjrmb9

Dua Pelajar MRSM Alor Gajah Hilang Ditemukan Di Pasar Seni

15/08/2026 12:30 PM



KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Dua pelajar perempuan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Alor Gajah, Melaka yang dilaporkan hilang sejak 11 Ogos lepas, ditemukan di kawasan Pasar Seni atau Central Market, di sini pada kira-kira 10.30 malam tadi.

Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Fadil Marsus berkata dua pelajar berusia 16 tahun itu didapati telah mendapat rawatan di sebuah Klinik Kesihatan berhampiran kerana kurang sihat sebelum dijumpai.

"Selepas ditemukan, mereka telah dibawa untuk menjalani pemeriksaan kesihatan lanjut di Hospital Kuala Lumpur (HKL) dan telah diserahkan kembali kepada pihak keluarga," katanya dalam kenyataan hari ini.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **15 - 16 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	Newswav
TAJUK	Alhamdulillah, dua pelajar MRSM hilang sejak Selasa berjaya ditemui – Asyraf
PAUTAN	https://tinyurl.com/2s4xn969

"Alhamdulillah," Dua Pelajar MRSM Hilang Sejak Selasa Berjaya Ditemui - Asyraf

Local 15 Aug 2026 • 1:08 AM MYT

Siakap Keli
We're a fast growing company with over 20 million page views per month.



Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA), Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki memaklumkan dua pelajar MRSM Alor Gajah yang dilaporkan hilang sejak Selasa telah berjaya ditemui.

Menerusi hantaran di Facebook, Asyraf berkata Polis Bukit Aman berjaya menemui Siti Nur Aaira Aidi dan Nur Aisy Humaira Mohd Saad di sekitar Central Market, Kuala Lumpur.

"Alhamdulillah, pihak Polis Bukit Aman telah berjaya menemui kedua-dua pelajar MRSM Alor Gajah Siti Nur Aaira Aidi dan Nur Aisy Humaira Mohd Saad yang dilaporkan hilang sejak Selasa di sekitar Central Market Kuala Lumpur pukul 10.31 malam tadi," ujarnya.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **15 - 16 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	Newswav
TAJUK	Dua pelajar MRSM Alor Gajah hilang dijumpai di Pasar Seni
PAUTAN	https://tinyurl.com/372xmwwt

Dua pelajar MRSM Alor Gajah hilang dijumpai di Pasar Seni

Local 15 Aug 2026 • 1:19 AM MYT

Kosmo Online
Hub berita berintegriti dan sensasi dalam dan luar negara.



PETALING JAYA – Dua pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Alor Gajah, Melaka yang hilang sejak Selasa lalu, berjaya ditemui di ibu negara malam tadi.

Perkara itu dimaklumkan oleh Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (Mara), Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki berhubung penemuan dua remaja tersebut oleh pihak polis Bukit Aman.

"Alhamdulillah, pihak polis Bukit Aman telah berjaya menemui kedua-dua pelajar MRSM Alor Gajah, Siti Nur Aaira Aidi dan Nur Aisy Humaira Mohd. Saad yang dilaporkan hilang sejak Selasa di sekitar Central Market Kuala Lumpur (Pasar Seni) pukul 10.31 malam tadi," katanya pada hantaran Facebook hari ini.

Terdahulu Kosmo! melaporkan, polis meminta bantuan orang ramai mengesan dua pelajar perempuan MRSM Alor Gajah berusia 16 tahun yang dilaporkan hilang sejak Selasa lalu.

Ketua Polis Daerah Alor Gajah, Superintenden Ahmad Abu Bakar berkata, pihaknya menerima laporan berhubung kehilangan kedua-dua remaja itu pada pukul 10.46 malam, 11 Ogos lalu.

Laporan berkenaan dibuat di Balai Polis Rumbia dan remaja pertama dikenali sebagai Siti Nur Aaira yang beralamat di Bandar Bukit Mahkota, Kajang.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **15 - 16 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	Malaysia Gazette
TAJUK	2 pelajar MRSM Alor Gajah ditemukan selamat di Central Market
PAUTAN	https://tinyurl.com/mpt4vy4v

NASIONAL

2 pelajar MRSM Alor Gajah ditemukan selamat di Central Market

Oleh **Norlizah Abas** - 15 August 2026



Pengerusi MARA, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki

KUALA LUMPUR – Dua pelajar perempuan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Alor Gajah, Melaka yang dilaporkan hilang sejak 11 Ogos lalu ditemukan selamat di Central Market, di sini, malam tadi.

Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA), Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki ketika mengesahkan perkara itu menerusi hantaran di media sosial berkata, kedua-dua ditemukan oleh polis Bukit Aman pukul 10.31 malam.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my



Siti Nur Aaira Aidi dan Nur Aisy Humaira Mohd Saad, masing-masing berusia 16 tahun dilaporkan hilang sejak 11 Ogos lalu.

Home / BERITA SEMASA / Dua pelajar MRSM Alor Gajah hilang sejak Selasa ditemui selamat di Central Market

BERITA SEMASA

Dua pelajar MRSM Alor Gajah hilang sejak Selasa ditemui selamat di Central Market

Sharaimei Shaik Ahmedullah · 3 days ago · 212 · 1 minute read

KUALA LUMPUR – Dua pelajar Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Alor Gajah, Siti Nur Aaira Aidi dan Nur Aisy Humaira Mohd Saad yang dilaporkan hilang sejak Selasa, berjaya ditemui pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) malam tadi. Berita Malaysia Sahih

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **15 - 16 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	The Star
TAJUK	Tiga hari hilang, dua pelajar MRSM dijumpai di Pasar Seni
PAUTAN	https://tinyurl.com/r489mtux

MSTAR | SEMASA

Tiga hari hilang, dua pelajar MRSM dijumpai di Pasar Seni

Sabtu, 15 Ogos 2026 11:02 AM



Siti Nur Aaira (kiri) dan Nur Aisy Humaira selamat dijumpai di ibu negara pada Jumaat.

DUA pelajar berusia 16 tahun dari Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Alor Gajah, Melaka yang dilaporkan hilang awal minggu ini ditemukan selamat berhampiran Pasar Seni, Kuala Lumpur.

Ketua Polis Daerah Alor Gajah, Superintendan Ahmad Abu Bakar berkata, pelajar Tingkatan Empat, Siti Nur Aaira Aidi dan Nur Aisy Humaira Mohd Saad, ditemukan kira-kira pukul 10.31 malam, Jumaat.

"Salah seorang pelajar mendakwa dia pengsan di lokasi terakhir mereka diketahui berada.

"Bagaimanapun, kami akan menunggu laporan perubatan daripada Hospital Kuala Lumpur bagi mengesahkan dakwaan berkenaan," katanya pada Sabtu.

ARTIKEL BERKAITAN: *Dua pelajar MRSM Alor Gajah hilang... Kali terakhir dilihat di TBS*

Polis menerima laporan mengenai kehilangan dua pelajar itu daripada seorang guru mereka pada pukul 10.46 malam, Selasa.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **15 - 16 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	The Rakyat Insight
TAJUK	Selepas Tabung Haji & Felda, Pembahas Terengganu Persoal Isu FELCRA dan KETENGAH
PAUTAN	https://tinyurl.com/2ubsww8a

AYER KEROH: Reformasi yang diperjuangkan oleh Kerajaan Madani digesa agar tidak sekadar menjadi sejarah politik atau laungan di jalan raya, sebaliknya mesti meresap masuk ke dalam tatakelola institusi strategik negara. Politik

Pembahas dari Terengganu, Dr. Che Harun Kamariah menegaskan, selepas timbul pelbagai isu ketidakcekapan dan kelemahan tadbir urus melibatkan Lembaga Tabung Haji (TH) serta Felda, keutamaan kini perlu diberikan kepada pembaharuan dalam Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (Felcra) serta Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah).

"Inilah masanya untuk kita membuktikan bahawa perjuangan reformasi bukan sekadar sejarah politik, bukan sekadar berteriak di jalan raya, tetapi reformasi mesti masuk ke dalam institusi negara," tegas beliau.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 15 - 16 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	TV1
TAJUK	Program Sejahtera: peningkatan pendapatan, 12 penerima e-Kasih terima bantuan peralatan
PAUTAN	https://tinyurl.com/y3sam645

LIPUTAN MEDIA 15 - 16 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	TV1
TAJUK	Dua pelajar MRSM Alor Gajah hilang: pengerusi MARA mohon doa orang ramai
PAUTAN	https://tinyurl.com/beue5yat

LIPUTAN MEDIA 15 - 16 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	Astro Awani
TAJUK	Dua pelajar MRSM Alor Gajah ditemukan selamat k
PAUTAN	https://tinyurl.com/66uh3ha

LIPUTAN MEDIA 15 - 16 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	TRAXX fm
TAJUK	The government will shift its attention to the Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority (FELCRA) or FELDA after the probe into alleged misappropriation at TH is completed
PAUTAN	https://tinyurl.com/66uh3ha

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **15 - 16 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	Berita Harian
TAJUK	Asyraf Wajdi mohon orang ramai doakan dua pelajar MRSM hilang
PAUTAN	https://tinyurl.com/yc8p79ah



Asyraf Wajdi mohon orang ramai doakan dua pelajar MRSM hilang

Kuala Lumpur: Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA), Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki, memohon orang ramai mendoakan dua pelajar Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Alor Gajah, Melaka yang dilaporkan hilang supaya ditemukan semula dengan selamat.

Beliau menerusi hantaran di media sosial berkata, doa orang ramai amat diharapkan supaya pelajar Siti Nur Aaira Aidi dan Nur Aisy Humaira Mohd Saad kembali ke pangkuan keluarga masing masing.

"Pada pagi Jumaat barakah ini tolong doakan supaya dua pelajar MRSM Alor Gajah yang hilang kembali semula ke pangkuan keluarga masing masing dengan selamat," katanya.

Berdasarkan poster hebahan, kedua-dua pelajar berusia 16 tahun itu dilaporkan hilang dan lokasi terakhir mereka dilihat ialah di Terminal Bersepadu Selatan (TBS).

Poster itu menyatakan, Siti Nur Aaira mempunyai ciri fizikal kulit cerah sederhana atau kecoklatan, badan kurus dan tinggi. Dia dilaporkan kali terakhir memakai baju hitam.

Sementara itu, Nur Aisy Humaira pula dilaporkan kali terakhir dilihat memakai pakaian gelap.

Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan kedua-dua pelajar berkenaan diminta menghubungi nombor telefon yang tertera dalam poster hebahan iaitu 013-299 4303, 019-765 2404 atau 019-237 0810.

Sementara itu di **Alor Gajah,** Ketua Polis Daerah Alor Gajah, Superintendan Ahmad Abu Bakar berkata, pihaknya meminta bantuan orang ramai mengesan dua pelajar Tingkatan Empat berusia 16 tahun yang dilaporkan hilang di daerah ini sejak 11 Ogos lalu.

Beliau berkata, pihaknya menerima laporan dibuat oleh guru mengenai kehilangan kedua-dua remaja terbabit pada jam 10.46 malam, 11 Ogos lalu.

Beliau berkata, remaja pertama dikenali sebagai Siti Nur Aaira Aidi, 16, mempunyai ketinggian 157 sentimeter dan berat 50 kilogram.

"Dia berkulit gelap dan beralamat di Bandar Bukit Mahkota, Kajang, Selangor.

"Remaja kedua pula dikenali sebagai Nur Aisy Humaira Mohd Saad, 16, mempunyai ketinggian dan berat sama serta berkulit cerah," katanya dalam kenyataan, semalam.

Menurutnya, alamat terakhir Nur Aisy Humaira adalah di Bukit Sentosa, Rawang, Selangor.

Katanya, polis sedang menjalankan usaha mengesan kedua-dua remaja terbabit dan meminta orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan tampil membantu siasatan.

"Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berkaitan kedua-dua individu ini boleh menghubungi Pegawai Penyiasat, Inspektor Shahrul Izwan Mohd Suffian di talian 017-8180106 atau menghubungi mana-mana balai polis berhampiran," katanya.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **15 - 16 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	Harian Metro
TAJUK	Doakan dua pelajar MRSM ditemui selamat
PAUTAN	https://tinyurl.com/yu5h2u52



SITI Nur Aaira (kiri) dan Nur Aisy Humaira kali terakhir dilihat di Terminal Bersepadu Selatan (TBS).

Doakan dua pelajar MRSM ditemui selamat

Kuala Lumpur: Pengerusi MARA, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki memohon orang ramai membantu dua pelajar Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Alor Gajah, Melaka yang dilaporkan hilang supaya ditemukan semula dengan selamat.

Beliau menerusi hantaran di media sosial berkata, dua orang ramai amat diharapkan supaya pelajar Siti Nur Aaira Aidi dan Nur Aisy Humaira Mohd Saad kembali ke pangkuan keluarga masing-masing.

"Di pagi Jumaat barakah ini tolong doakan supaya dua pelajar MRSM Alor Gajah yang hilang kembali semula ke pangkuan keluarga masing-masing dengan selamat," katanya.

Berdasarkan poster bahan, kedua-dua pelajar berusia 16 tahun itu dilaporkan hilang dan lokasi terakhir mereka dilihat ialah di Terminal Bersepadu Selatan (TBS).

Poster itu menyatakan, Siti Nur Aaira mempunyai ciri fizikal kulit cerah sederhana atau keeksotikan, badan kurus dan tinggi. Dia dilaporkan kali terakhir memakai baju hitam. Sementara itu, Nur Aisy Humaira pula dilaporkan kali terakhir dilihat memakai pakaian gelap.

Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan kedua-dua pelajar berkenaan diminta menghubungi nombor telefon yang tertera dalam poster bebahan iaitu 013-299 4303, 019-765 1404 atau 019-2370810.

Sementara itu di Alor Gajah, Ketua Polis Daerah Alor Gajah, Superintendan Ahmad Abu Bakar berkata, pihaknya meminta bantuan orang ramai mengesan dua pelajar tingkatan empat berusia 16 tahun yang dilaporkan hilang di daerah ini sejak 11 Ogos lalu.

Beliau berkata, pihaknya menerima laporan dibuat oleh guru mengenai kehilangan kedua-dua remaja terbabit pada jam 10.46 malam, 11 Ogos lalu.

> *Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berkaitan kedua-dua individu ini boleh menghubungi Pegawai Penyiasat, Inspektor Shahrul Irwan Mohd Suffian di talian 017-8180106 atau menghubungi mana-mana balai polis berhampiran"*

Beliau berkata, remaja pertama dikenali sebagai Siti Nur Aaira Aidi, 16, mempunyai ketinggian 157 sentimeter dan berat 50 kilogram.

"Dia berkulit gelap dan bervolumat di Bandar Bukit Mahkota, Kajang, Selangor.

"Remaja kedua pula dikenali sebagai Nur Aisy Humaira Mohd Saad, 16, mempunyai ketinggian dan berat sama serta berkulit cerah," katanya dalam satu kenyataan kelmarin.

Menurutnya, alamat terakhir Nur Aisy Humaira adalah di Bukit Sentosa, Rawang, Selangor.

Katanya, polis sedang menjalankan usaha mengesan kedua-dua remaja terbabit dan meminta orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan tampil membantu siasatan.

"Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berkaitan kedua-dua individu ini boleh menghubungi Pegawai Penyiasat, Inspektor Shahrul Irwan Mohd Suffian di talian 017-8180106 atau menghubungi mana-mana balai polis berhampiran," katanya.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **15 - 16 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	NST
TAJUK	Review SOP For clinic visits
PAUTAN	https://tinyurl.com/jk2h52x

MISSING ALOR GAJAH MRSM STUDENTS

'REVIEW S.O.P. FOR CLINIC VISITS'

Mara chairman also wants full probe into 4-day disappearance of 2 teens found safe in KL

NOOR ATIQAH SULAIMAN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

MAJLIS Amanah Rakyat (Mara) management has been instructed to review its standard operating procedure (SOP) for taking students to health clinics following the disappearance of two Alor Gajah Mara Junior Science College (MRSM) students for four days.

Mara chairman Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki said a full investigation must be conducted to determine the cause of the incident and prevent a recurrence.

"Whatever the cause of the two students going missing for four days, I have instructed Mara management to review the SOP for taking students to clinics to prevent similar incidents.

"A full investigation must also be conducted," he said on Facebook yesterday.

Asyraf previously confirmed that the two 16-year-old students, reported missing since Aug 11, were found safe at Central Market here on Friday.

Before they were reported missing, both students had sought treatment at a clinic in Alor Gajah after feeling unwell.

Following the incident, social media users shared comments regarding the current SOP for bringing Mara Junior Science College students to clinics for medical treatment. Some claimed that there was no fixed requirement for teachers to accompany students for medical visits, while others asserted that doing so fell outside a teacher's scope of duties.



Formula 1 returns to the Sepang International Circuit from Oct2-4. NSTP FILE PIC

KKDW.100-2/1/3 ( )

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **15 - 16 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	Sinar Harian
TAJUK	MARA arah semak SOP pelajar ke klinik
PAUTAN	https://tinyurl.com/5s839ftu

Mara arah semak SOP pelajar ke klinik

Elak insiden dua pelajar 'hilang' empat hari berulang kembali

Oleh NURUL HUDA HUSAIN

SHAH ALAM - Pengurusan Majlis Amanah Rakyat (Mara) diarah untuk menyemak semula prosedur operasi standard (SOP) membawa pelajar ke klinik susulan insiden dua pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Alor Gajah, Melaka dilaporkan hilang.

Pengerusinya, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki berkata, tindakan itu perlu dibuat bagi memastikan insiden sama tidak berulang pada masa akan datang.

"Apa pun faktor mendorong dua pelajar MRSM Alor Gajah 'hilang' empat hari, saya telah minta Pengurusan Mara semak SOP bawa pelajar ke klinik.



ASYRAF



FADIL

"Ia penting supaya tiada lagi insiden serupa berulang masa akan datang. Siasatan penuh mesti dibuat," katanya menerusi satu hantaran di media sosial pada Sabtu.

Kedua-dua pelajar berusia 16 tahun yang dilaporkan hilang sejak 11 Ogos lalu ditemukan selamat di Pasar Seni, Kuala Lumpur.

Difahamkan, sebelum dilaporkan hilang, kedua-dua mereka keluar mendapatkan rawatan di sebuah klinik kesihatan di Alor Gajah selepas kurang sihat.

Sementara itu, Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Fadil Marsus berkata, pihaknya masih menyiasat punca kehilangan dua pelajar terbabit.

"Kedua-dua pelajar ditemui sepasukan anggota dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Alor Gajah kira-kira jam 10.30 malam pada Jumaat.

"Sebaik ditemui, kedua-duanya dibawa menjalani pemeriksaan kesihatan di Hospital Kuala Lumpur (HKL) sebelum diserahkan kembali kepada pihak keluarga," katanya dalam kenyataan pada Sabtu.

Fadil berkata, punca kejadian masih dalam siasatan.

Sebelum ini, *Sinar Harian* melaporkan polis menerima laporan berhubung kehilangan kedua-dua pelajar berkenaan.

Ketua Polis Daerah Alor Gajah, Superintendan Ahmad Abu Bakar berkata, laporan dibuat seorang guru pada jam 10.46 malam, 11 Ogos lalu.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my